

SH 8/7/2019  
m/s 21

## WWF gesa pihak berkuasa ambil tindakan tegas

KOTA KINABALU - Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF) Malaysia menggesa pihak berkuasa bertindak segera menghentikan kegiatan penangkapan ikan secara tidak sah, tidak dilaporkan dan tidak terkawal (IUU), khususnya kegiatan mengebom ikan dan larangan terhadap bot-pam, yang biasanya dikaitkan dengan kegiatan penangkapan ikan secara haram.

Ketua Sementara Marin WWF-Malaysia, Monique Sumampouw berkata, kaedah mengumpul ikan seperti itu bukan sahaja menyalahi undang-undang, tetapi ia berbahaya kerana menggunakan bahan letupan yang membahayakan penduduk

dan memusnahkan habitat ikan seperti terumbu karang.

"Menghentikan penangkapan ikan secara tidak sah adalah satu pelaburan untuk masa depan kita untuk melindungi dan memulihara kehidupan marin kita serta melindungi rakyat kita.

"Janganlah kita kehilangan kehidupan marin sebagaimana kita telah kehilangan badak kita di alam liar," katanya dalam satu kenyataan media di sini semalam.

Sumampouw menekankan pentingnya peningkatan rondaan dan pemantauan,



serta memantapkan penguatkuasaan untuk mencegah pengeboman ikan pada masa akan datang.

Beliau berkata, berdasarkan kajian tiga bulan yang dijalankan oleh WWF-Malaysia di Semporna antara bulan Jun hingga September tahun lepas, sebanyak 263 pengeboman ikan direkodkan.

Adalah mengejutkan bahawa hanya dalam tempoh tiga bulan kajian telah mencatat purata 65 kes pengeboman ikan pada 2018.

Sumampouw berkata WWF-Malaysia sedih dan kurang senang dengan kemati-

an penyelam di Semporna beberapa hari lepas yang mungkin dikaitkan dengan pengeboman ikan.

"Kami ingin menyatakan rasa simpati yang tulus kepada keluarga penyelam dan kawan-kawan mereka. Kematian mereka adalah tragik, dan kami tidak mahu perkara ini berulang pada orang lain," katanya.

"Dalam pihak berkuasa menyiasat secara menyeluruh, WWF Malaysia ingin menekankan tentang betapa seriusnya perbuatan pengeboman ikan yang masih berlaku di Sabah sejak beberapa dekad," tambah beliau. - *Bernama*